

Soalan 1-24

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.


1. Buah durian itu gugur _____ tanah apabila ditiup angin.
 - A di
 - B pada
 - C ke
 - D dari

2. “Pak Seman menggunakan _____ kapak untuk menebang sebatang pokok rambutan yang berdekatan dengan rumahnya”. Kata Samad kepada adiknya.
 - A sebatang
 - B sebilah
 - C sebuah
 - D sekeping

3. _____ berikrar untuk melakukan apa sahaja yang terdaya bagi menjayakan majlis itu.
 - A Aku
 - B Saya
 - C Awak
 - D Anda

4. “Sekiranya tidak ada apa-apa perubahan, _____ikutlah jadual yang telah disediakan tadi”, Kata Cikgu Rahman kepada murid-muridnya.
 - A kalian
 - B kamu
 - C anda
 - D kita

Soalan 5 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

5. Kuda itu berlari dengan _____ untuk mengelakkan diri daripada ditanduk oleh kerbau.
- A perlahan
 - B pantas
 - C cepat
 - D laju
6. Suara juruhebah itu kurang _____ .
- A jelas
 - B gopoh
 - C kasar
 - D kuat


Soalan 7 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

7. Sazali, Kamal dan Yahya berlatih menyanyi sambil _____ alat muzik untuk menyertai Pertandingan Bintang Kecil di sekolahnya.
- A bermain
 - B permainan
 - C memainkan
 - D memeti

Soalan 8 berdasarkan Gambar 3




Gambar 3

8. Pemandu lori itu memecut lorinya dengan laju untuk _____ bas yang ada di hadapannya.
- A melanggar
 - B menyelit
 - C memotong

- D menyusup
9. Tun Haji Abdul Razak bin Husin ialah Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berasal _____ negeri Pahang.
- A pada
B dari
C kepada
D daripada
10. Zaiton menulis surat _____ sahabatnya yang sedang belajar di Universiti Malaya.
- A bagi
B untuk
C kepada
D daripada
11. Murid-murid dinasihatkan belajar bersungguh-sungguh _____ berjaya dalam pelajaran.
- A oleh
B hingga
C sambil
D supaya
12. Saleh berlari _____ menjinjing beg plastik berisi buah-buahan kerana dikejar oleh anjing.
- A sambil
B dengan
C seraya
D dan

13. "Saya _____ membeli sepasang baju kurung",kata Melati kepada Puteri.
- A harus
 - B dapat
 - C boleh
 - D hendak
14. Cikgu Nazri mengambil masa selama _____ hari untuk menanda kertas ujian penulisan itu.
- A setiap
 - B beberapa
 - C sebilangan
 - D sebahagian
15. Cincin berlian yang dipamerkan di kedai emas itu _____ tinggi nilainya.
- A amat
 - B benar
 - C nian
 - D agak
16. Kamu _____ perlu menekan suis yang berwarna hijau untuk menggerakkan mesin pemotong kayu itu.
- A jua
 - B hanya
 - C sahaja
 - D memang

Soalan 17 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4


17 Ramli terpaksa berakit di _____ jambatan Sungai Jelai untuk pergi ke kebunnya.

- A bawah
- B tengah
- C atas
- D tepi

18 Rosdah membeli sebuah kereta _____ di Kuala Lumpur dengan harga RM15,000.

- A terlaris
- B terbaru
- C terbang
- D terpakai

Soalan 19 berdasarkan Gambar 5




Gambar 5

19 Ibu menyediakan _____ sempena Hari Raya Aidilfitri.

- A lauk-pauk
- B kuih-muih
- C sayur-mayur
- D buah-buahan

Soalan 20 berdasarkan Gambar 6




Gambar 6

20 Terdapat _____ pondok buruk di hujung kampung itu.

- A sebiji
- B sebuku
- C sebuah
- D sebatang

Soalan 21 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

- 21 Setiap minggu, adik Hashim mengelap cermin tingkap biliknya dengan menggunakan _____ tuala.
- A sehelai
 - B secarik
 - C selembat
 - D sekeping
- 22 Suhaila berasa _____ meninggalkan ayahnya yang sakit tenat di rumah seorang diri.
- A jauh hati
 - B berat hati
 - C besar hati
 - D berkat hati
- 23 Setelah berjaya dalam perniagaannya, Ahmad telah melupakan jasa ibu bapanya. sikap Ahmad _____.
- A bagai menatang minyak yang penuh.
 - B seperti kacang lupakan kulit
 - C bagai kaduk naik junjung
 - D seperti aur dengan tebing.

24 Kasim seorang murid yang lemah dalam pelajaran, _____ dia sentiasa berusaha untuk berjaya.

- A namun begitu
- B selain itu
- C walaupun
- D sekiranya

25 Rejab mengambil kesempatan untuk melarikan diri daripada penculik yang sedang tidur.

Perkataan seerti bagi kesempatan ialah

- A peluang
- B peranan
- C kehendak
- D kesanggupan

26 Siput babi makan bahagian tumbuh-tumbuhan yang lembut.
Perkataan berlawanan bagi lembut ialah

- A rapuh
- B keras
- C kenyal
- D lembik

27 _____kah yang menjadi johan dalam Pertandingan Pidato Diraja Peringkat Negeri Pahang Tahun 2007 yang lalu?

Pilih **kata tanya** yang sesuai bagi ayat tanya di atas

- A Apa
- B Bila
- C Siapa
- D Mengapa

28 Siapakah yang bercakap dengan kamu sebentar tadi ?

Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.

- A Saya tidak dengarlah.
- B Saya tidak boleh bercakap.
- C Saya bercakap dengan kamu tadi.
- D Salmah yang bercakap dengan saya tadi.

29 Di manakah letaknya sekolah kamu ?

Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.

- A Sekolah saya terletak di Kampung Budu, Benta, Pahang.
- B Sekolah saya mempunyai empat bangunan.
- C Sekolah saya sentiasa bersih dan ceria.
- D Sekolah saya sekolah kampung.

Soalan 30

Pilih ayat yang **betul**.

- I Perdana Menteri akan melawat ke Kuala Lipis. Beliau dijangka tiba pada pukul 10.00 pagi.
 - II Ahmad murid yang pintar . Namun demikian, beliau tetap belajar bersungguh-sungguh.
 - III Puan Zahalina mengajar di SK Lubok Kulit. Beliau telah berkhidmat di sana selama dua tahun.
 - IV Pengemis itu menyelongkar tong sampah kerana beliau kelaparan.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 31- 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan –soalan yang berikutnya.

Telur Omega 3 mengandungi khasiat lima kali ganda berbanding telur biasa. Ia juga mempunyai jumlah kolestrol yang rendah berbanding telur biasa.

Telur ini mengandungi asid lemak omega 3 , vitamin E, vitamin A dan vitamin D. Vitamin ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, tekanan darah tinggi, strok, dan penyakit barah.

Harga telur Omega 3 lebih mahal berbanding telur biasa. Saiznya agak besar. Telur Omega ini juga boleh membantu meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan otak, sistem saraf dan tisu-tisu mata (retina).

Bak kata pepatah alah membeli menang memakai. Walaupun harganya lebih mahal sedikit tetapi ia amat baik untuk kesihatan kita sekeluarga. Pada masa kini, orang ramai sudah mula mementingkan pemakanan sihat dan seimbang.

Kerajaan telah menggalakkan rakyat agar sentiasa menjaga pemakanan untuk menjamin kesihatan yang lebih baik.

31 Apakah kelebihan telur Omega 3?

- A kerana saiznya
- B kerana harganya mahal
- C kerana kuantitinya banyak
- D kerana ia mempunyai banyak khasiat

32 Vitamin-vitamin ini terkandung dalam telur Omega 3, **kecuali**

- A vitamin A dan E
- B vitamin D dan E
- C vitamin A dan C
- D vitamin A dan D

- 33 Telur merupakan makanan yang tergolong dalam kumpulan.
- A serat
 - B protein
 - C mineral
 - D karbohidrat
- 34 Apakah akibat jika kandungan kolesterol yang tinggi dalam makanan kepada tubuh badan kita ?
- A tulang kita mudah reput
 - B badan kita menjadi lemah
 - C sering mengalami sakit kepala
 - D mudah mendapat pelbagai penyakit
- 35 Berikut ialah makanan yang boleh menyebabkan badan kita mudah dihinggapi penyakit **kecuali**
- A ais krim
 - B sayur-sayuran
 - C makanan ringan
 - D daging berlemak

Soalan 36 - 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada minggu lepas, sekolah saya telah mengadakan temasya sukan tahunan secara besar-besaran. Temasya sukan tahunan ini sungguh meriah kerana dihadiri oleh para jemputan khas yang terdiri daripada Pengarah Pelajaran Negeri Pahang dan Pegawai Pelajaran Daerah.

Acara bermula tepat pada pukul dua petang. Tuan Pengarah Pelajaran Negeri Pahang telah menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan temasya sukan tahunan sekolah saya.

Beberapa acara padang seperti lontar peluru, lompat jauh, dan lompat tinggi telah diadakan sebelum hari sukan. Manakala acara balapan seperti 100 meter, 200 meter, 4 X 100 meter, dan 4 X 200 meter telah diadakan pada hari sukan.

Pasukan beruniform seperti pasukan Pengakap dan Persatuan Bulan Sabit Merah telah menjalankan tugas dengan baik. Mereka membantu menyediakan peralatan sukan dan memberikan pertolongan cemas kepada peserta yang mendapat kecederaan.

Temasya sukan tahunan pada kali ini berjalan dengan lancar. Olahragawan pada tahun ini disandang oleh Hakim bin Bakar daripada rumah Gunung Ledang, manakala olahragawati pula disandang oleh Mashitah Mohamad daripada rumah Gunung Benom. Rumah Gunung Tahan diumumkan sebagai juara keseluruhan sukan tahun ini.

Acara penutupan **disempurnakan** oleh Pegawai Pelajaran Daerah. Beliau menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Acara tamat pada 6.35 petang. Semua murid gembira dan berpuas hati.

36 Siapakah yang merasmikan temasya sukan tahunan?

- A Guru Besar
- B Pegawai Pelajaran Daerah
- C Tuan Pengarah Pelajaran Daerah
- D Tuan Pengarah Pelajaran Negeri

- 37 Pada hari sukan beberapa acara sukan telah dipertandingkan .
Antaranya adalah seperti berikut.....
- A acara balapan
 - B acara padang
 - C acara balapan dan sukaneka
 - D acara padang dan balapan
- 38 Johan keseluruhan sukan dimenangi oleh rumah
- A Rumah Gunung Ledang
 - B Rumah Gunung Benom
 - C Rumah Gunung Tahan
 - D Rumah Gunung Kinabalu
- 39 Berapa lamakah temasya sukan ini berlangsung.....
- A 3 jam 25 minit
 - B 4 jam 25 minit
 - C 4 jam 35 minit
 - D 5 jam 35 minit
- 40 Kata **disempurnakan** dalam petikan bermaksud
- A dijalankan
 - B dilancarkan
 - C diselesaikan
 - D dilakukan

KERTAS SOALAN TAMAT